


BERITA HARIAN

# Urbanisme Kampung Baru citra Melayu lestari

BH-18/7/2007



E-mel: zaini@utm.my

**D**ALAM ucapan sempena perasmian Persidangan Umno Bahagian Titiwangsa di ibu negara pada 14 Julai lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengumumkan peruntukan RM100 juta untuk meningkatkan prasarana Kampung Baru di Kuala Lumpur.

Peruntukan itu akan digunakan untuk menaik taraf tapak pasar minggu, pembinaan jalan menghubungkan Jalan Tunku Abdul Rahman-Jalan Tun Razak, pembinaan siar kaki dari Chow Kit ke Dataran Merdeka, jalan siar kaki Jalan Raja Alang-Jalan Raja Muda Musa, menaik taraf Jalan Raja Bot dan kawasan sekitar pasar Chow Kit.

Najib berkata, projek yang sudah dan akan dilaksanakan di kawasan itu bertujuan memastikan pembangunan pesat di bandar raya tidak menjejaskan kedudukan geopolitik atau menyebabkan orang Melayu terpinggir.

Pada hemat saya yang pernah tinggal di Jalan Daud sekitar 1980-an, Kampung Baru lebih daripada sekadar kawasan penempatan Melayu berkepadatan tinggi di ibu kota. Kampung Baru sebenarnya, penempatan

strategik dan simbol kewujudan orang Melayu di ibu negara. Dari segi sejarah dan peranannya, Kampung Baru membangun dari sebuah penempatan kampung di pinggir kota kepada kawasan dikelilingi pelbagai ragam dan kepesatan kemajuan.

Oleh itu, Kampung Baru - dari beberapa aspek dan dimensi - perlu dikekalkan bahkan dimantapkan. Dari aspek lain, Kampung Baru juga perlu berubah sesuai dengan peranannya yang semakin strategik dalam arus pembangunan ibu kota. Antara aspek penting yang perlu berubah ialah peranannya dari segi imej orang Melayu dan kemudahan prasarana.

Pada hemat saya, peranan era moden Kampung Baru perlu diteraskan kepada konsep pembangunan lestari yang menonjolkan imej mesra alam, moden, dinamik dan versatil orang Melayu bandar. Dengan kata lain, Kampung Baru harus 'diperbaharukan' dengan nilai, sifat, dinamisme, kemudahan dan prasarana lestari dari segi penggunaan sumber tenaga, bekalan air dan pelupusan sisa efisien, sistem pengangkutan canggih, reka bentuk bangunan dan prasarana lain mesra alam dengan dikelilingi kehijauan pelbagai flora dan fauna.

Dari aspek pelestarian alam sekitar, kampung yang terhimpit dalam arus perbandaran seperti Kampung Baru biasanya menghadapi empat masalah utama, iaitu

- Sistem pembetungan terutama rawatan kumbahan
- Sistem perparitan

● Kawasan hijau, riadah dan siar kaki yang terhad

● Struktur bangunan lama.

Masalah lain seperti kepadatan penduduk, pengutipan sampah, keselamatan dan zon pemisah antara bangunan juga perlu diberi perhatian.

Selain aspek fizikal dan ekosistem, Kampung Baru juga perlu mengekalkan ciri-ciri kemanusiaan kekampungannya dan keislamannya khususnya dalam konteks kemasyarakatan, dan nilai lain seperti reka bentuk dan seni bina unik yang mempunyai citra kemelayuan.

Ketika ini, fokus pembangunan bandar di serata dunia banyak memberi tumpuan kepada pengekalan ciri-ciri dan nilai unik terutama dimensi kemanusiaan dan persekitaran, seperti yang ada di Kampung Baru itu. Hal ini terserlah menerusi sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2006 di San Francisco tahun lalu, bertemakan 'Urbanisme Baru'. Konsep dan strategi dalam konteks urbanisme baru diperlukan kerana lebih 70 peratus penduduk dunia tinggal di bandar yang semakin sesak, kotor dan tercemar.

Dalam hal ini, Sarah Susanka, arkitek terkenal dan penulis buku *The Not So Big House* mengemukakan konsep dan kaedah pembinaan rumah kediaman lebih selesa yang tidak semestinya bersaiz besar. Andres Duany, seorang arkitek muda tersohor pula akan mengemukakan gagasan baru mengenai New Urbanism yang menyerlah konsep baru pembangunan berasaskan ke-

seimbangan antara faktor kemanusiaan, alam sekitar dan struktur bandar. Fokus urbanisme baru ialah manusia dan kemanusiaan, bukan sistem dan material.

Urbanisme baru sudah dilaksanakan dengan jayanya di banyak bandar raya utama seperti Kyoto, Perth dan Stockholm. Malah bandar terbaru di Eropah iaitu Milton Keynes, pusat Universiti Terbuka di United Kingdom juga diasaskan urbanisme baru.

Konsep urbanisme baru sesuai diterapkan di kawasan seperti Kampung Baru. Rasionalnya, Kampung Baru perlu berwajah baru dengan citra Melayu yang lebih lestari dan kontemporari. Selain itu, urbanisme baru memberi rangsangan kepada penduduk bandar supaya turut berperanan aktif meng-hijau dan memulihkan alam sekitar dengan sikap dan amalan lebih mesra alam.

Ia tidak sekadar mengurangkan penghasilan sampah-sarap dan membayar bil rawatan kumbahan, bahkan turut mem-babitkan pembangunan kemudahan infrastruktur, seni bina, seni taman dan seni bandar yang membolehkan ekosistem bandar berupaya menyerap dan menghilangkan bahan cemar. Urbanisme baru juga memerlukan kita lebih kreatif untuk menjadikan longkang besar berbau hanyir di Kampung Baru itu kepada sungai yang mengalir tenang dan jernih.

Penulis ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)